

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MEMBENTANGKAN USUL UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT
SETIA KEPADA DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN AZLAN SHAH

TEMPAT: DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR

TARIKH: 16 OCT 1989

MASA:

Tuan Yang Dipertua

Saya mohon mengemukakan usul seperti berikut:

"Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz
ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai
Yang di-Pertuan Agong Malaysia."

Tuan Yang Dipertua

2. Saya bagi pihak semua Ahli-Ahli Dewan Rakyat ingin
menyampaikan sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun
sempena Istiadat Pertabalan yang lalu.

3. Syukur Alhamdulillah, Istiadat Pertabalan Duli Yang
Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan
Azlan Shah telah berjalan dengan sempurna, penuh beradat
serta gilang-gemilang. Istiadat ini telah disambut oleh
rakyat dengan penuh gembira. Istiadat ini juga merupakan
detik yang bersejarah dalam tradisi pemilihan Raja Yang
Memerintah negara kita mengikut sistem Demokrasi
Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang Dipertua

4. Raja Yang Memerintah memainkan peranan yang penting
dalam mempertahankan kedaulatan sistem Demokrasi
Berparlimen dan Raja Berperlembagaan serta keutuhan
Perlembagaan kita. Sistem ini dan Perlembagaan kita
mengadakan panduan untuk institusi-institusi Raja, Dewan
Negara, Dewan Rakyat dan Jemaah Menteri bekerjasama untuk
kepentingan negara dan kemajuan rakyat. Kita memerlukan
kerjasama ini berjalan secara berterusan dan dengan penuh
persefahaman. Saya percaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dapat
memainkan peranan Baginda dengan penuh bijaksana dan saksama
serta mereka yang lain turut mengambil bahagian dengan
sewajarnya. Dengan adanya persefahaman yang erat ini
perjalanan pentadbiran negara kita akan sentiasa efektif

serta produktif.

Tuan Yang Dipertua

5. Kerajaan masih meneruskan usaha-usaha yang lebih positif untuk menjaminkan perpaduan yang erat antara rakyat berbilang kaum. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sumber perpaduan rakyat. Saya percaya Tuanku Sultan Azlan Shah dapat memainkan peranan ini dengan penuh bijaksana memandangkan sikap Baginda yang begitu mesra dengan rakyat serta mengambil berat tentang kebajikan rakyat.

Tuan Yang Dipertua

6. Bagi pihak Dewan yang mulia ini, saya dengan perasaan penuh ikhlas sekali lagi mempersembahkan ucapan setinggi tahniah Kebawah Duli berdua, di samping berikrar taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kita semua akan bekerjasama sepenuhnya untuk berkhidmat dengan bersih, cekap dan amanah demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

7. Akhirnya saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala melimpahkan taufik dan hidayah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan semoga selamat bersemayam di atas takhta Kerajaan dengan penuh kebesaran dan kemuliaan.

Tuan Yang Dipertua,
Saya mohon mencadangkan.